

Newspaper	Utusan Melayu
Date	18/08/2017B

Blueprint 2.0 bakal beri kesejahteraan penduduk Wilayah Utara – PM

4 juta dapat manfaat

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 17 OGOS

RANGKA Tindakan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2016-2025 (Blueprint 2.0) bakal memberi kesejahteraan yang lebih baik kepada lebih empat juta penduduk di negeri ini, Kedah, Perak dan Perlis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, rancangan pembangunan komprehensif sepanjang 2016 hingga 2025 itu juga bakal mencipta lebih 161,000 peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan utara.

Menurut beliau, peluang peker-

jaan itu melibatkan 80 projek pembangunan dalam pelbagai bidang utama seperti perindustrian, pertanian, pelancongan, perkhidmatan, pembuatan dan sebagainya.

Najib memberitahu, menerusi Blueprint 2.0 juga, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dijangka mencecah RM300 bilion menjelang 2025 dengan purata pendapatan isi rumah meningkat kepada RM12,964 manakala purata pendapatan isi rumah golongan berpendapatan rendah (B40) pula akan dilonjakan sehingga mencapai RM6,043.

“Setakat akhir 2015 iaitu pada akhir Rangka Tindakan atau Blueprint yang pertama, NCER telah

mencatat jumlah pelaburan terkumpul sebanyak RM71.6 bilion.

“Insyallah, pada 2025 nanti, NCER bakal merealisasikan jumlah pelaburan terkumpul sehingga mencecah RM146.5 bilion,” katanya ketika berucap melancarkan Blueprint 2.0 itu di Pusat Konvensyen Setia City, Bayan Lepas di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Menurut Najib, sebagai pemudah cara dalam membawa pembangunan dan pembaharuan berimpak tinggi di setiap empat negeri di wilayah ini, kerajaan telah bertindak meluluskan insen-

tif cukai istimewa bagi syarikat-syarikat berkelayakan yang ingin merebut peluang dan mengambil bahagian dalam usaha mencungkil potensi wilayah ekonomi itu.

Ujar beliau, syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam bidang-bidang utama wilayah utara seperti, pembuatan, pertanian, industri-bio dan perkhidmatan akan menerima kelebihan utama berbanding yang lain.

“Kepada pihak NCIA, adalah harapan saya untuk meneruskan legasi dan merealisasikan impian kerajaan untuk menyelesaikan isu seperti jurang pendapatan dan ketidaksamaan sosial dan memastikan masyarakat Malaysia maju dari segi ekonomi dan sosial,” katanya.

UM - 18/8/2017 Pg. 2